



# TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI UNTUK KELESTARIAN MASA DEPAN

Bekalan sumber bahan api penjanaan elektrik seperti gas, arang batu serta minyak semakin berkurangan dan boleh habis. Langkah untuk memajukan sektor tenaga boleh diperbaharui (RE) telah dimulakan oleh syarikat-syarikat utiliti dunia.


RE boleh berkembang maju di Malaysia melalui sumber yang pelbagai seperti hidro, solar, biogas dan biomass. Hidro dan solar adalah sumber langsung menghasilkan elektrik manakala biomass dan biogas boleh menggantikan bahan api fosil.

Kerajaan telah merangka beberapa strategi bagi memantap dan membangunkan penggunaan RE sebagai sumber tenaga menjana elektrik.



## Bagaimana RE memanfaatkan kita?

- ⚡ Mengurangkan pelepasan karbon kepada alam sekitar.
- ⚡ Tenaga yang bersih dan mesra alam.
- ⚡ Tenaga alternatif kepada sumber tenaga fosil.
- ⚡ Sumber tenaga yang boleh diguna secara berterusan dan tidak akan habis.



\*Jumlah Kapasiti RE ini hanya di Semenanjung Malaysia setakat Disember 2016.

SUMBER : TENAGA NASIONAL BERHAD